

Harga berubah setiap minggu

Video menari bikin panas

SHAH ALAM - Tindakan pemimpin BN yang menari dan menyanyi seperti tersebar dalam video di laman sosial dianggap 'mencurah garam ke luka rakyat'

Setiausaha Agung PKR, Datuk Saifuddin Nasution berkata, pemimpin-pemimpin tersebut kelihatan bergembira sedangkan rakyat memikul tekanan kehidupan dan ekonomi membebankan.

"Marah, sedih dan tertawa - itulah respons rakyat terhadap kelakuan pemimpin BN ketika rakyat dihimpit pelbagai kesusahan akibat pentadbiran zalim mereka sendiri," katanya dalam kenyataan, semalam.

Baru-baru ini, tersebar video yang menunjukkan pemimpin BN menyanyi dan menari dalam sebuah program di Sabah.

Saifuddin berkata, banyak kesusahan dialami rakyat bermula tahun ini, antaranya kenaikan harga petrol RON95 dan gula.

"Kenaikan 40 sen bagi setiap liter membuktikan kerajaan Umno-BN begitu 'prihatin' terhadap rakyat.

"Kenaikan harga gula pula 11 sen bagi setiap kilogram. Dikhuatiri keadaan ini menyebabkan kadar inflasi meningkat melebihi kadar normal," katanya.

Penetapan harga petrol dan diesel diumumkan setiap Rabu, berkuat kuasa Khamis

NOOR AZURA SAHRIL

KUALA LUMPUR - Pengumuman pertama bagi pelaksanaan penetapan harga petrol dan diesel secara mingguan ialah pada 29 Mac ini, berkuat kuasa 30 Mac.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, mekanisme pengapungan harga terkawal bahan api secara mingguan itu dipersetujui jemaah menteri pada 22 Februari lalu.

Menurutnya, bagi menambah baik mekanisme digunakan sekarang, kementerianya melakukan beberapa sesi keterlibatan dengan syarikat minyak, pengusaha minyak, NGO dan pihak berkepentingan lain.

"Setelah perbincangan bersama dengan syarikat minyak dilakukan baru-baru ini, kerajaan bersetuju melakukan pengumuman penetapan harga petrol dan diesel secara mingguan pada setiap hari Rabu dan harga akan berkuat kuasa pada jam 0.01 pada hari berikutnya, iaitu Khamis," katanya yang disiarkan secara langsung di TV1, semalam.

Hamzah berkata, pada masa ini, kaedah diguna pakai kerajaan adalah dengan membuat pengumuman harga petrol dan diesel secara bulanan.

"Bagi penetapan harga bulan, kita mengambil pendekatan penetapan harga secara pengapungan terkawal menggunakan formula Automatic Pricing Mechanism (APM) sejak 1983.



PENETAPAN HARGA MINYAK BERDASARKAN MOPS

KOMPONEN

PETROL



DIESEL



Kos Produk	Berdasarkan Mead Of Platts Singapore (MOPS)	
Alhpa	5 sen/liter	4 sen/liter
Kos Operasi	Sem Malaysia: 9.54 sen/liter Sabah: 8.98 sen/liter Sarawak: 8.13 sen/liter	
Margin Syarikat Minyak	5 sen/liter	2.25 sen/liter
Margin Pengusaha Stesen Minyak	12.19 sen/liter	7 sen/liter

INFO

- Harga mingguan
- Jemaah menteri setuju

"Namun sejak pengapungan terkawal secara bulanan ini, kita dapati perubahan atau kadar turun naik begitu ketara. Ini menyebabkan kegelisahan kepada pengguna dan pengusaha stesen minyak, sehingga berlakunya pembelian panik oleh pengguna dan beratur panjang di stesen minyak," katanya.

Dalam masa sama, ujarnya, kerajaan juga mengambil masa yang lama iaitu selama sebulan untuk membuat pembetulan sekiranya

berlaku perubahan ketara harga minyak di pasaran dunia.

Beliau berkata, dengan pelaksanaan harga siling mingguan ini sebarang perubahan harga Mean of Platts Singapore (MOPS) dan kadar tukaran asing dapat diterjemahkan lebih tepat mengikut perkara pasaran global.

Bagaimanapun, katanya, manamana syarikat dan pengusaha stesen minyak yang ingin melakukan promosi dengan memberi diskaun daripada harga ditetapkan, boleh berbuat demikian dengan mendapatkan kelulusan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan terlebih dahulu.

Beliau turut mengingatkan semua syarikat minyak dan pengusaha stesen minyak agar mematuhi penetapan harga baharu ini.

"Tindakan tegas akan diambil kepada syarikat minyak dan pengusaha stesen minyak yang menjual petrol dan diesel pada harga selain ditetapkan kerajaan," katanya.

Sementara itu di Parlimen, Hamzah berkata, kerajaan memberi jaminan kaedah pengapungan terkawal adalah cara terbaik dalam membuat penentuan harga runcit minyak petrol dan diesel.

Katanya, sekiranya harga minyak pada bulan sebelumnya lebih rendah daripada semasa, pengusaha stesen minyak akan mendapat keuntungan lebih tinggi berdasarkan jualan stok minyak yang dibeli pada bulan sebelumnya.

"Namun perkara sebaliknya akan berlaku sekiranya harga minyak bulan hadapan lebih rendah berbanding bulan semasa, margin keuntungan pengusaha stesen terabit akan berkurang," katanya kepada Dewan Rakyat ketika menjawab soalan yang Ahli Parlimen Mersing, Datuk Abd Latif Ahmad, semalam.

Pengapungan terkawal adalah cara penetapan harga runcit petrol dan diesel berdasarkan perubahan kos produk petroleum di pasaran.

Kerajaan telah mengguna pakai kaedah ini ke atas petrol RON95 dan diesel mulai 1 Disember 2014 manakala RON97 pada Julai 2010.